



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 27 OKTOBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	12 PAKAR DILANTIK AHLI MAJLIS PENASIHAT PERTANIAN, NASIONAL, BH -6 12 PAKAR DILANTIK AHLI MAJLIS PENASIHAT PERTANIAN NEGARA, SH -ONLINE 12 PAKAR DILANTIK AHLI MPPN, NASIONAL, SH -14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5. 6. 7. 8.	SUMBANG 11 TAN MAKANAN HAIWAN, NASIONAL, SH -15 MAFI SUMBANG 11 TAN BEKALAN MAKANAN HAIWAN, SH -ONLINE MAQIS SEIZED 146 TONS OF FROZEN MEAT IN 10 MONTH, NATION, CHINA PRESS -A5 146 TONNES OF ILLEGAL FROZEN MEAT PRODUCTS SEIZED THIS YEAR, SAYS RONALD, KL SCREENER -ONLINE DAGING BEKU RAMPASAN DISUMBANG KEPADA ZOO, PERHILITAN, NASIONAL, BH -24	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9. 10.	PERWIRA MALAYSIA, KELAB MY SARAWAK SASAR AGIH 700 BAKUL MAKANAN, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE COVID-19 CARING MISSION OUT TO DELIVER UP TO 700 FOOD BASKETS TO NEEDY FOLK ACROSS SARAWAK, BORNEO POST (KUCHING) -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
11. 12.	PELADANG-i TAWAR AHLI NIKMATI MANFAAT TIGA DALAM SATU, NASIONAL, SH -14 KAD PINTAR PELADANG-i BERI MANFAAT 920,678 AHLI LPP, NEGARA, KOSMO -7	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
13.	AGROBANK MAHU TAMBAH PRODUK KHAS BANTU OKU, BISNES, BH -38	AGROBANK
14. 15. 16. 17. 18. 19. 20.	JEFFREY CHEAH AND FRANCIS LAU APPOINTED AS MEMBER OF NATIONAL AGRICULTURAL ADVISORY, NATION, CHINA PRESS -A5 CUBAAN BAWA 12 EKOR LEMBU SELUDUP BERNILAI RM126,000 GAGAL, NEGARA, KOSMO -14 JUAL BOT UNTUK SARA KEHIDUPAN, DALAM NEGERI, UM -6 KAMI MEMANG ANAK TIRI - PENGUSAHA BOT, DALAM NEGERI, UM -6 3 PEMUDA BERTANI, PASARKAN SENDIRI HASIL, BISNES SINAR, SH -30 DULU DIHINA, KINI USAHAWAN BERJAYA, NEGARA, KOSMO -3 AMALAN PERTANIAN BAIK BANTU PULIHARA EKOSISTEM, K2, KOSMO -22	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/10/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	6

12 pakar dilantik ahli majlis penasihat pertanian

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengumumkan pelantikan semula 12 pakar industri dan ahli akademik berpengalaman dalam pelbagai bidang sebagai Ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) bagi sesi 2021-2022.

Mereka adalah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia (UPM) yang juga Tengku Laksamana Perlis, Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail; Pengerusi Sunway Group, Tan Sri Dr Jeffrey Cheah dan Felo Penyelidik Kanan UPM, Prof Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed Arshad.

Pengarah Eksekutif Leong Hup International Sdn Bhd, Tan Sri Francis Lau Tuang Nguang; Pengarah Eksekutif Pusat Dagangan Dunia (WTC), Datuk Sri Dr Irmo-hizam Ibrahim; Timbalan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin dan Presiden Emir Research, Datuk Wira Dr Rais Hussin Mohamed Ariff.

Selain itu, pensyarah UPM, Prof Madya Dr Suhaimi Napis; pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Sivamurugan Pandian; pensyarah Universiti Malaya (UM), Prof Dr M Niaz Asadullah; Ketua Pegawai Eksekutif Ternakan Kamran Sdn Bhd, Datuk Raghu Loganathan Pillai dan pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr Yamin BH Ooi.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klandee, berkata ahli majlis itu antara lain akan bertindak sebagai jawatankuasa penasihat bagi meneliti kerangka tadbir urus serta pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara (2021-2030) (DAN 2.0).

"Ini satu daripada platform terbaik bagi semua ahli majlis yang terdiri daripada ahli akademik dan penggiat industri untuk menyumbang idea serta pandangan dalam memacu hala tuju sektor agromakanan.

"Melalui MPPN, MAFI akan terus memperkasa sektor agromakanan negara dalam mengenal pasti isu, khususnya dalam aspek sekuriti makanan dengan mengambil langkah intervensi yang sesuai mengikut perkembangan semasa dan menyeluruh serta holistik," katanya.

Ronald berkata, empat kertas cadangan dibentangkan menuju ke ketersediaan sekuriti makanan membabitkan aspek pengukuhan industri perikanan laut dalam, isu sumber benih negara, pengukuhan kawalan biosekuriti agromakanan dan kerjasama pihak awam serta swasta dalam sektor agromakanan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/10/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

12 pakar dilantik Ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara



Ronald berucap pada mesyuarat Majlis Penasihat Pertanian Negara Bilangan 2 Tahun 2021 secara hibrid di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur.

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengumumkan perlantikan 12 pakar industri dan ahli akademik yang berpengalaman dalam bidang sebagai Ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) bagi sesi 2021 hingga 2022.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, lantikan tersebut seiring dengan pelancaran Dasar Agromakanan Negara (2021-2030) (DAN 2.0), yang menyasarkan agromakanan sebagai suatu sektor mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi.

Kata beliau, pada masa sama, ia bertujuan untuk memacu pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan.

Tambahnya, majlis itu adalah sebagai salah satu platform terbaik bagi semua ahli majlis yang terdiri daripada ahli akademik dan pemain industri untuk menyumbang idea, pandangan dan cadangan dalam memacu hala tuju sektor agromakanan khususnya berkaitan sekuriti makanan supaya seiring dengan keperluan semasa.

“Antaranya, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Tengku Laksamana Perlis Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail; Pengerusi Sunway Group, Tan Sri Dr. Jeffrey Cheah; Felo Penyelidik Kanan UPM, Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed Arshad dan Pengarah Eksekutif Leong Hup International Sdn Bhd, Tan Sri Francis Lau Tuang Nguang.

“Selain itu, Pengarah Eksekutif PWTC, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim; Timbalan Naib Canselor UPM, Profesor Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin; Presiden Emir Research, Datuk Wira Dr Rais Hussin Mohamed Ariff dan Pensyarah UPM, Profesor Madya Dr Suhaimi Napis.

“Pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr Sivamurugan Pandian; Pensyarah Universiti Malaya (UM), Profesor Dr M Niaz Asadullah; Ketua Pegawai Eksekutif Ternakan Kamran Sdn Bhd, Datuk Raghu Loganathan Pillai dan Pensyarah UMS, Dr Yasmin B.H. Ooi,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Pada Isnin, MAFI telah mengadakan Mesyuarat Majlis Penasihat Pertanian Negara Bilangan 2 Tahun 2021 secara hibrid bertempat di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, Ronald berkata, pelantikan itu akan diketuai oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan antara lain, akan bertindak sebagai Jawatankuasa Penasihat dan untuk menasihat dan meneliti kerangka tadbir urus dan pelaksanaan DAN 2.0.

Tambahnya, sebanyak empat kertas cadangan telah dibentangkan pada mesyuarat tersebut.

“Ia menjurus kepada ketersediaan (availability) sekuriti makanan yang melibatkan aspek-aspek pengukuhan industri perikanan laut dalam, isu sumber benih negara, pengukuhan kawalan biosekuriti agromakanan dan kerjasama pihak awam dan swasta dalam sektor agromakanan negara.

“Melalui MPPN, MAFI akan terus memperkasa sektor agromakanan negara bersama ahli akademik dan pemain industri dalam mengenal pasti isu sektor agromakanan khususnya dalam aspek sekuriti makanan dengan mengambil langkah intervensi yang sesuai mengikut perkembangan semasa dan menyeluruh serta holistik,” ujarnya.

12 pakar dilantik Ahli MPPN

Sumbang idea dalam memacu hala tuju sektor agromakanan

Oleh MUHAMMAD YUSAINY MOHAMAD YUNUS

SHAH ALAM

Kementrian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengumumkan perlantikan 12 pakar industri dan ahli akademik yang berpengalaman sebagai Ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) bagi sesi 2021 hingga 2022.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, lantikan tersebut seiring dengan pelancaran Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), yang menyasarkan agromakanan sebagai suatu sektor mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi.

Kata beliau, pada masa sama, ia bertujuan untuk memacu pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kesejahteraan rakyat serta meng-

utamakan sekuriti dan nutrisi makanan.

Tambahnya, majlis itu adalah sebagai salah satu platform terbaik bagi semua ahli majlis yang terdiri daripada ahli akademik dan pemain industri untuk menyoal idea, pandangan dan cadangan dalam memacu hala tuju sektor agromakanan khususnya berkaitan sekuriti makanan supaya seiring dengan keperluan semasa.

"Antara yang dilantik ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Tengku Laksamana Perlis, Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail; Pengerusi Sunway Group, Tan Sri Dr Jeffrey Cheah; Felo Penyelidik Kanan UPM, Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed Arshad dan Pengarah Eksekutif Leong Hup International Sdn Bhd, Tan Sri Francis Lau Tuang Nguang.

"Selain itu, Pengarah Eksekutif Pusat Daging Dunia, Putra (PWTC), Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim; Timbalan Naib Canselor UPM, Profesor Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin; Presiden Emir



Rozali berucap pada mesyuarat Majlis Penasihat Pertanian Negara Bilangan 2 Tahun 2021 secara hibrid di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur.

lam satu kenyataan pada Selasa. Pada Isnin, MAFI telah mengadakan Mesyuarat Majlis Penasihat Pertanian Negara Bilangan 2 Tahun 2021 secara hibrid bertempat di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, Ronald berkata, pelantikan itu yang diketuai oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan antara lain akan bertindak sebagai Jawatankuasa Penasihat untuk menasihati dan meneliti kerangka tadbir urus serta pe-

Research, Datuk Wira Dr Rais Hussin, Mohamed Ariff dan pensyarah UPM, Profesor Madya Dr Suhaumi Napis.

"Turut dilantik ialah pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr Sivamurugan Pandian; pensyarah Universiti Malaya (UM), Profesor Dr M Niaz Asadullah; Ketua Pegawai Eksekutif Ternakan Kamran Sdn Bhd, Datuk Raghu Loganathan Pillai dan pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr Yasmin BH Ooi," katanya da-

laksanaan DAN 2.0. Tambahnya, sebanyak empat kertas cadangan telah dibentangkan pada mesyuarat tersebut.

"Ia menurus kepada ketersediaan (availability) sekuriti makanan yang melibatkan aspek-aspek pengukuhan industri perikanan laut dalam, isu sumber benih negara, pengukuhan kawalan biosekuriti agromakanan dan kerjasama pihak awam dan swasta dalam sektor agromakanan negara," ujarnya.

27/10/2021

SINAR
HARIAN

NASIONAL

15

Sumbang 11 tan makanan haiwan

Sumbangan MAFI bernilai RM106,000 itu berupa produk daging sejuk beku

Oleh MUHAMMAD AMNAN
HUBRAHIM

AMPANG

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menyumbang sebanyak 11 tan bekalan makanan haiwan kepada jabatan dan agensi termasuk Zoo Negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata, sumbangan bernilai RM106,000 itu adalah berupa produk daging sejuk beku hasil rampasan yang telah dilucutkan hak membabit-

kan kes dari September hingga Oktober 2021.

Menurutnya, selain Zoo Negara, turut mendapat sumbangan ialah Penjara Marang, Terengganu; Penjara Penor, Kuantan; Pahang; Penjara Machang, Kelantan dan National Wildlife Rescue Center (NWRRC), Perak di bawah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

"Penerima terbesar untuk sumbangan kali ini iaitu hampir 2,000 kilogram diberi kepada Zoo Negara.

"Secara keseluruhannya, sekitar Oktober untuk tahun ini, sumbangan sekitar 146 tan produk daging sejuk beku dengan nilai rampasan RM2.33 juta adalah produk yang dibawa masuk secara tidak sah dari pelbagai negara.

"Kesemua serahan itu adalah hasil daripada sitaan terhadap pengimportan keluaran pertanian yang telah melalui

FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID



Ronald (tengah dari kanan) ketika Program Sumbangan Bekalan Makanan Haiwan di Zoo Negara pada Selasa.

proses lucut hak di bawah kesalah subseksyen 11(1) dan 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728], katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan majlis penyerahan sumbangan tersebut di Zoo Negara di sini pada Selasa.

Turut hadir Timbalan

sumber bekalan makanan haiwan dan ternakan ikan di bawah seliaan mereka.

Katanya, MAFI melalui Maqis komited melaksanakan tanggungjawab sosial dengan memberikan sumbangan kepada mana-mana agensi yang memerlukan seperti pihak zoo dan penjara.

"Produk sitaan yang disumbangkan itu akan dijadikan sumber makanan ternakan ikan keli bagi projek rehabilitasi banduan di penjara serta sumbu makanan haiwan di zoo dan pusat konservasi hidupan liar," ujarnya.

Pada masa sama, Ronald berkata, MAFI mengambil serius pelaksanaan undang-undang negara bagi memastikan isu melibatkan aspek balak, keselamatan makanan, kawalan penyakit merbahaya yang boleh mengancam sektor pertanian dan penternakan negara dapat dibendung serta dikawal di semua pintu sempadan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/10/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI sumbang 11 tan bekalan makanan haiwan



Ronald Kiandee. - Foto fail Bernama

AMPANG - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menyumbang sebanyak 11 tan bekalan makanan haiwan kepada jabatan dan agensi termasuk Zoo Negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, sumbangan bernilai RM106,000 itu

adalah berupa produk daging sejuk beku hasil rampasan yang telah dilucutkan hak membabitkan kes dari September hingga Oktober 2021.

Menurutnya, selain Zoo Negara, turut mendapat sumbangan ialah Penjara Marang, Terengganu; Penjara Penor, Kuantan, Pahang; Penjara Machang, Kelantan dan National Wildlife Rescue Center (NWRC), Perak di bawah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

"Penerima terbesar untuk sumbangan kali ini iaitu hampir 2,000 kilogram diberi kepada Zoo Negara.

"Secara keseluruhannya, setakat Oktober untuk tahun ini, sumbangan seberat 146 tan produk daging sejuk beku dengan nilai rampasan RM2.33 juta adalah produk yang dibawa masuk secara tidak sah dari pelbagai negara.

"Kesemua serahan itu adalah hasil daripada sitaan terhadap pengimportan keluaran pertanian yang telah melalui proses lucut hak di bawah kesalahan subseksyen 11(1) dan 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan majlis penyerahan sumbangan tersebut di Zoo Negara, di sini, pada Selasa.

Turut hadir Timbalan Menteri MAFI 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Ketua Pengarah Maqis, Shamsul Akbar Sulaiman.

Ronald berkata, beliau berharap inisiatif sumbangan bekalan makanan haiwan di bawah program MAFI Prihatin itu dapat dilakukan secara berterusan dan seterusnya membantu meringankan beban pihak terlibat menampung sumber bekalan makanan haiwan dan ternakan ikan di bawah seliaan mereka.

Katanya, MAFI melalui Maqis komited melaksanakan tanggungjawab sosial dengan memberikan sumbangan kepada mana-mana agensi yang memerlukan seperti pihak zoo dan penjara.

"Produk sitaan yang disumbangkan itu akan dijadikan sumber makanan ternakan ikan keli bagi projek rehabilitasi banduan di penjara serta sumber makana haiwan di zoo dan pusat konservasi hidupan liar," ujarnya.

Pada masa sama, Ronald berkata, MAFI mengambil serius pelaksanaan undang-undang negara bagi memastikan isu melibatkan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit merbahaya yang boleh mengancam sektor pertanian dan penternakan negara dapat dibendung serta dikawal di kesemua pintu negara.

Beliau berkata, daripada keseluruhan rampasan daging sejuk beku di seluruh negara pada tahun ini, Kelantan merekodkan jumlah tertinggi dengan rampasan seberat 74 tan bernilai RM692,838.

Headline	MAQIS seized 146 tons of frozen meat in 10 month		
MediaTitle	China Press		
Date	27 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A5	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	402 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,930
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,790



非法進口·丹州最多 10個月充公146噸冷凍肉

【安邦26日讯】农业与食品业部部长拿督斯里罗南建迪说，大马检疫及检验服务局（MAQIS）从今年1月至10月，共充公146吨从世界各国非法进口我国的冷冻肉类，涉及233万令吉。

“其中在吉兰丹的充公的肉类最多，为74吨，价值69万2898令吉。”

他指出，当局是援引2014年马来西亚检疫及检验服务法令（728法令）第11（1）和15（1）条文充公非法进口的肉类。

罗南建迪今日在国家动物园主持肉类移交仪式时，也将11吨总值10万6000令吉的充公非法冷冻肉类，分发给6个单位和机构作为动物饲料。这

些都是该局从9月至10月期间充公的非法冷冻肉类。

他说，在“农业部关怀”计划下的捐赠动物饲料，将有助于减轻受各机构购买饲料和养鱼场的负担。受惠单位和机构有国家动物园、登嘉楼马兰监狱、彭亨关丹柏努监狱、吉兰丹彭加兰芝巴监狱、马樟监狱、霹雳国家野生动物保育中心（NWRC）。

分發動物園

他说，农业部通过大马检疫及检验服务局致力履行社会责任，帮助和提供援助给任何有需要的单位和机构，如动物园和监狱，用于监狱改造计划的鱼饲料和动物园饲料，及野生动物



给6个单位和机构的冷冻肉类。
■罗南建迪（右起）和阿末韩查展示发放

保育中心。

国家动物园副主婚罗斯里指出，动物园共获分配近1吨肉类，今日先接收2000公斤，这些肉类主要是给狮子和老虎的饲料，预计可维持3个月。

出席者包括农业部第一副部长拿督斯里阿末韩查，和大马检疫及检验服务局总监三苏阿克密。

動物園重開遊客超預期

罗斯里说，国家动物园重开后，每天前往参观的游客都超过预期，周六和周日的访客人数更超过1500人，反应非常好。

“只要动物园可以运作，就无需担心动物园的运营费问题，若国内疫情再次加剧，动物园只能再依靠政府和民众的捐款。”

另外，罗斯里透露，熊猫“兴兴”和“靓靓”在大马诞下的第3只熊猫幼崽“直直”因疫情已在我国逗留超过一年，原本应该回国的它们，仍需等待中国安排送回该国，但动物园已随时做好准备。

他补充，政府目前还未为第3只熊猫幼崽命名，无论如何，它的健康情况良好，非常活跃。



■第3只熊猫幼崽的健康良好，已可展示给公众观看。

土 国党副主席拿督斯里罗南建迪指出，国盟成员党在讨论马六甲州选议席分配方面非常顺利，他们将在适当时间公布各党的议席分配。

“在议席分配方面，我们仍在讨论阶段，而且也没有面对任何问题。”

罗南建迪也是农业与食品业部部长，他是在今日出席国家动物园主持肉类移交仪式后，对记者这么说。

他补充，国盟最高理事会决定让土国党、伊斯兰党和民政党在马六甲州选使用国盟蓝旗，都是成员党一致的政治决定。

而及至最高理事会将召开会议以商讨是否与国盟联合备战，罗南建迪说，这是宪法的权力，他不知道重统将讨论些什么。

國盟甲議席分配順利

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/10/2021	KL SCREENER	ONLINE	

146 tonnes of illegal frozen meat products seized this year, says Ronald

KUALA LUMPUR (Oct 26): The Agriculture and Food Industries Ministry (MAFI), through the Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS), has seized 146 tonnes of frozen meat products which were brought into the country illegally so far this year.

Its minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the seizures were worth RM2.33 million, and that Kelantan was the state with the highest seizure at 74 tonnes worth RM692,838.

"The seizures were made under the forfeiture process for offences under Subsection 11(1) and 15(1) of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 (Act 728).

"The frozen products will be disposed of as food supply donations to six related departments and agencies. The products, 11 tonnes worth RM106,000 in all, are forfeitures from cases between September and October," he said during a media conference at the handover to Zoo Negara here on Tuesday.

Ronald said the seizures will be turned into cat fish feed under a prisoner rehabilitation project, as well as act as food sources for animals in zoos and wildlife conservation centres.

The departments and agencies besides Zoo Negara receiving the donations under the MAFI Prihatin include Marang Prison in Terengganu, Penor Prison in Kuantan, Pahang and Pengkalan Chepa Prison and Machang Prison in Kelantan, he added.

Zoo Negara received the bulk of the donations, with 2,000 kilogrammes, he said.

Ronald expressed the hope that this continuous initiative would help reduce the burdens of those involved in maintaining food supplies for animals and fish under their supervision.

Deputy Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ahmad Hamzah and MAQIS director-general Shamsul Akbar Sulaiman were also present at the handover.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/10/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	24



Ronald (dua dari kiri) menyerahkan bekalan ayam dan daging sejuk beku di Zoo Negara, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Fathil Asri/BH)

Daging beku rampasan disumbangkan kepada zoo, PERHILITAN

Kuala Lumpur: Sebanyak 146 tan produk daging sejuk beku dengan nilai rampasan RM2.33 juta disumbangkan kepada agensi serta jabatan berkaitan setakat bulan ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata sumbangan itu diharap dapat membantu meringankan beban dalam menampung sumber bekalan makanan haiwan dan ternakan ikan di bawah seliaan agensi berkenaan.

“Semua sumbangan itu ada-

lah hasil rampasan pengimportan keluaran pertanian melalui proses lucut hak mengikut kesalahan Subseksyen 11 (1) dan 15 (1) Akta Perkhidmatan Kuarentin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

“Penerima sumbangan berkenaan terdiri daripada pengusaha zoo, Jabatan Penjara dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN),” katanya selepas menyerahkan sumbangan terbabit kepada Zoo Negara, semalam.



27 OCT, 2021

Perwira Malaysia, Kelab My Sarawak sasar agih 700 bakul makanan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Perwira Malaysia, Kelab My Sarawak sasar agih 700 bakul makanan

SIBU: Pertubuhan Usahawan Bumiputera Malaysia (Perwira Malaysia) dan Kelab My Sarawak menyasarkan untuk mengagihkan kira-kira 700 bakul makanan kepada golongan kurang bernasib baik di negeri ini yang terjejas akibat jangkitan COVID-19.

Timbalan Presiden Nasional Perwira Malaysia Datuk Fazminahzan Mat Derus berkata agihan bakul makanan tersebut dibuat melalui tiga program yang telah dirancang di Sarawak iaitu di Balai Polis Hulu Lanang di sini semalam dan Balai Polis Siburan serta Ibu Pejabat FAMA Sarawak, di Kuching dalam minggu ini.

Menurutnya, senarai penerima yang layak dan dikenal pasti di negeri ini diperolehi daripada Jabatan Kehajikan Masyarakat (JKM).

"Hari ini sebanyak 200 bakul makanan dan lima kerusi roda diagihkan kepada mereka yang terjejas akibat jangkitan COVID-19. Kita bukan setakat akan agihkan makanan tetapi juga termasuk susu dan lampin bayi," katanya pada sidang media selepas Misi Prihatin COVID-19 Siri 5 di Balai Polis Hulu Lanang di sini.

— Bernama



27 OCT, 2021

Perwira Malaysia, Kelab My Sarawak sasar agih 700 bakul makanan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SIBU: Pertubuhan Usaha wan B u m i p u t e r a Malaysia (Perwira Malaysia) dan Kelab My Sarawak menyasarkan untuk mengagihkan kirakira 700 bakul makanan kepada golongan kurang bernasib baik di negeri ini yang terjejas akibat jangkitan COVID-19.



27 OCT, 2021

Covid-19 Caring Mission out to deliver up to 700 food baskets to needy folk across Sarawak

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 1 of 1

Covid-19 Caring Mission out to deliver up to 700 food baskets to needy folk across Sarawak

SIBU: The 'Covid-19 Caring Mission' has set out to distribute 600 to 700 food baskets to the needy folk all across Sarawak.

The programme is jointly organised and run by the Sarawak Community Entrepreneurship (My Sarawak) Club and Perwira Malaysia Bumiputera Entrepreneurs Organisation (Perwira).

According to My Sarawak Club advisor Datuk Fazmimahzan Mat Derus, the recipients of the assistance would comprise those adversely affected by the Covid-19 pandemic.

It is informed that the delivery of the food baskets would be facilitated by the police, hospitals, selected schools, non-governmental organisations (NGOs) and local community leaders.

Fazmimahzan, who is also Perwira deputy president, said the programme kicked off at Paroi police station in Seremban, Negeri Sembilan last year.

The Sibu mission is the fifth in the series and also the first to be run in Sarawak.

"Sibu is chosen as Covid-19 Caring Mission's first venue in Sarawak in honour of Perwira founder Affandi Nordin's late

father, who was a policeman and had served in Sibu.

"Our next venue will be the Siburan police station and later on, at Fama (Federal Agricultural Marketing Authority) Sarawak headquarters in Kuching," Fazmimahzan told reporters here yesterday.

For Sibu, he said the team had distributed a total of 200 food baskets and overall, they had given away more than 1,000 food baskets and similar items.

"The items are varied, based on the sponsors and the contributors.

"Like in Peninsular Malaysia, we have been delivering milk formula and diapers.

"There was this one time when we received a sponsorship of 1,000kg of 'ikan patin' (silver catfish)," he said.

Fazmimahzan added that the Covid-19 Caring Mission was run in collaboration with the Royal Malaysia Police (PDRM) towards ensuring compliance with the standard operating procedures (SOP) set under the National Recovery Plan.

On Perwira, Fazmimahzan said it had 200 registered members across three branches - namely Negeri Sembilan, Sabah and Sarawak.



(From left) Collin presents a food basket to Sibu Hospital deputy director (management) Nor Izzah Marzuki, as Fazmimahzan looks on. — Photo by Conny Banji

According to him, 60 out of its 200 members are in Sarawak.

"The organisation was set up to gather Bumiputera entrepreneurs.

"We're out to provide start-up capital to our members who are adversely affected by the Covid-19 pandemic.

"We are eyeing to increase our membership to 500 by year-end, with the setting up of new branches," he said.

Meanwhile, Sibu deputy police chief Supt Collin Babat called for more sponsors and donors to come forward and help ease the burden of the needy folk.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/10/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	14

PELADANG-i tawar ahli nikmati manfaat tiga dalam satu

KUALA LUMPUR - Seramai 920,678 ahli Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) seluruh negara kini berpeluang menikmati kemudahan Kad Pintar Keluarga Peladang (PELADANG-i) yang mempunyai gabungan ciri-ciri tiga dalam satu menerusi kad debit Co-Brand Agrobank.

PELADANG-i juga dijadikan sebagai kad identiti keahlian berkonsepkan transaksi perbankan moden yang turut dilengkapi manfaat perlindungan Takaful sehingga RM5,000 hanya dengan bayaran RM5 setahun.

Ketua Pengarah LPP, Danik Azulita Salim berkata, inisiatif PELADANG-i bakal meletakkan ahli-ahli peladang ke pada sistem kehidupan yang lebih baik melalui konsep pembayaran tanpa tunai dan hanya berurusan secara dalam talian.

Menurutnya, inisiatif tersebut juga selari dengan usaha untuk memperkasakan dan melonjakkan penggunaan teknologi digital dalam kalangan ahli peladang ke arah dunia digitalisasi seterusnya mencapai matlamat LPP menerajui pertanian dalam negara ke arah IR 4.0.

"Pelaksanaan PELADANG-i merupakan petunjuk prestasi utama (KPI)



Azulita (dua dari kanan), Khatijah (dua dari kiri), Naib Presiden Kanan/Ketua Pegawai Komersial Takaful Ikhlas, Mohd Jafri Abd Jali (kiri) dan Ketua Prinsipal Kanan, AgTech & Projek Sektorial, Pembangunan Ekosistem Data, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Navin Sinnathamby menunjukkan replika Smart Card Peladang (PELADANG-i) di Wisma Lembaga Pertubuhan Peladang.

100 hari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di mana kita menetapkan sasaran seramai 2,000 ahli peladang bakal memanfaatkan PELADANG-i sehingga 9 Disember depan.

"Kita berharap dan menggalakkan agar semua 920,678 ahli peladang pada masa ini memanfaatkan kemudahan PELADANG-i untuk sasaran jangka

golongan muda.

Manfaat Takaful Peladang menerusi PELADANG-i yang dilindungi di bawah program Takaful Kasih Plus ini terbuka kepada ahli peladang berumur 18 hingga 70 tahun.

Antara manfaat yang diperoleh adalah RM5,000 untuk kematian akibat kemalangan atau hilang upaya kekal akibat kemalangan selain perbelanjaan perubatan akibat kemalangan (RM250) dan kematian semula jadi (RM500).

Sementara itu, Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khatijah Iskandar berkata, penggunaan PELADANG-i menerusi transaksi perbankan Agrobank memberi nilai tambah dalam memudahkan urusan ahli peladang dengan Agrobank.

"Dengan adanya kad ini kita boleh mengenal pasti transaksi setiap peladang seterusnya memperoleh data yang boleh diguna pakai untuk mempermudah urusan peladang ini di Agrobank, contohnya untuk membuat pinjaman kewangan," katanya.

Ahli peladang yang berhasrat memanfaatkan kemudahan PELADANG-i perlu membuka akaun Agrobank di mana-mana cawangan berdekatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/10/2021	KOSMO	NEGARA	7



AZULITA (kanan) menunjukkan kad pintar PELADANG-i di Kuala Lumpur kelmarin.

Kad pintar PELADANG-i beri manfaat 920,678 ahli LPP

KUALA LUMPUR – Sebanyak 920,678 ahli Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bakal menikmati kemudahan tiga dalam satu menerusi kad pintar Keluarga Peladang (PELADANG-i) yang akan diperkenalkan dalam masa terdekat.

Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim berkata, penggunaan kad pintar itu dilaksanakan dengan kerjasama Agrobank; Takaful Ikhlas dan Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC).

"Menerusi pelaksanaan PELADANG-i, ahli LPP akan menerima perlindungan insurans Takaful Ikhlas dan kad debit Agrobank selain kad itu dijadikan sebagai identiti keahlian LPP.

"Kad pintar ini akan memberikan banyak faedah di bawah program Takaful Kasih Plus kepada

ahli antaranya manfaat perlindungan sehingga RM5,000 untuk kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan menerusi potongan RM5 setahun," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Sesi Perbincangan Meja Bulat Kad Pintar PELADANG-i kerjasama LPP bersama rakan strategik di sini kelmarin.

Selain itu katanya, menerusi PELADANG-i, peladang boleh melakukan sebarang transaksi tanpa tunai termasuk bagi urusan penjualan hasil pertanian mereka yang terus dimasukkan ke dalam akaun.

Tambahnya, beberapa bantuan termasuk Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) untuk pesawah dan bantuan bencana kepada peladang juga akan diberikan menerusi akaun

kad debit itu.

Tambah Azulita, pelaksanaan PELADANG-i merupakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 100 hari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dengan menyasarkan sebanyak 2,000 ahli LPP mendaftar menjelang 9 Disember ini.

"Kita berharap menerusi inisiatif ini mampu menarik minat semua, peladang muda yang terdiri daripada 15 peratus daripada jumlah keseluruhan ahli LPP mendaftar kad pintar ini.

"Ia sekali gus dapat membantu memperkasa penggunaan teknologi digital dalam kalangan peladang ke arah digitalisasi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/10/2021	BERITA HARIAN	BISNES	38

Agrobank mahu tambah produk khas bantu OKU

Agrobank merancang untuk menambah lebih banyak produk kewangan khusus untuk pelanggan orang kelainan upaya (OKU) bagi membantu golongan berkenaan.

Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar, berkata bank kini menawarkan dua produk khas untuk OKU iaitu produk takaful, Agro Nurani dan pembiayaan, Agro Bakti.

Katanya, Agrobank mempunyai perancangan menambah produk kewangan khusus untuk OKU dan sudah berbincang dengan wakil golongan terbabit bagi memahami keperluan mereka.

"Tidak semestinya golongan OKU tidak boleh melanggan atau membeli produk selain Agro Nurani dan Agro Bakti, cuma manfaat diperoleh mungkin tidak secara langsung kepada mereka."

"Kami akan mengadakan latihan dan libat urus dengan mereka dalam tempoh tiga bulan ini untuk mendapatkan maklumat lanjut. Berkemungkinan sama ada akhir tahun ini atau awal tahun depan kami akan lancar produk baharu untuk OKU," katanya selepas majlis program Agrobank dan komuniti sempena Hari Tongkat Putih Antarabangsa di Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis itu, Agrobank turut menyampaikan sumbangan 100 tongkat putih kepada Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia dan RM5,000 kepada Persekutuan Orang Pekak Malaysia.

Headline	Jeffrey Cheah and Francis Lau appointed as member of National Agricultural Advisory		
MediaTitle	China Press		
Date	27 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A5	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	143 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,821
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,462



農業顧問理事會 謝富年劉團源重新受委

（吉隆坡26日讯）农业及食品工业部今日公布2021至2022年国家农业顾问理事会成员名单，12名原任顾问包括双威集团主席丹斯里谢富年和龙合国际有限公司执行董事丹斯里刘团源皆重新受委，他们将为国家粮农政策2.0（DAN 2.0）的治理框架和实施提供建议。

该部在文告指出，农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪是于今日，以混合式方式主持了国家农业顾问理事会会议。

文告说，随著政府日前推介了国家粮农政策2.0，该理事会是一个让农业学

术界人士和业者贡献意见和建议的平台，以便推动农业食品跟上当前的需求。

提交4糧食安全建議

另外，该会今日也提交了4个有关实现粮食安全的建议，内容涵盖加强深海渔业、国家种子资源问题、加强农业食品生物安全控制，以及政府与私人界在农业食品上的合作。

其他国家农业顾问理事会成员，还有博大董事主席拿督斯里赛拉兹兰、博大高级研究员拿汀巴杜卡法蒂玛、PWTC执行董事拿督斯里依莫希占、智库



■ 谢富年



■ 刘团源

埃米尔研究公司主席拿督莱士胡先、博大讲师苏海米、理大讲师西华姆鲁甘、马大讲师尼斯阿沙都拉、Kamran养殖公司总执行长拿督拉吉和沙巴大学讲师雅斯敏。

Cubaan bawa 12 ekor lembu seludup bernilai RM126,000 gagal

TUMPAT – Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) berjaya menahan sebuah lori yang membawa 12 ekor lembu seludup di Kampung Nechang di sini kelmarin.

Rampasan lembu bernilai RM126,000 itu dilakukan kira-kira pukul 5.20 pagi semasa anggota PGA menjalankan rondaan di kawasan kampung tersebut.

Pegawai Pemerintah Batalion 9 PGA, Superintendan Nor Azizan Yusof berkata, anggota PGA telah melihat sebuah lori yang

dipandu dalam keadaan mencurigakan di jalan Kampung Kajang Sebidang di sini.

Menurutnya, ketika cuba menahan lori itu, pemandunya telah bertindak memecut laju ke arah jalan Kampung Telaga Bata sebelum PGA berjaya memintas kenderaan tersebut di Kampung Nechang.

"Pemeriksaan mendapati, lori tersebut membawa sebanyak 12 ekor lembu yang dipercayai diseludup dari negara jiran.

"Pemandu, lori dan semua lembu yang dirampas dibawa ke Balai Polis Cabang Empat di sini sebelum diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Nor Azizan memberitahu, nilai keseluruhan rampasan termasuk lori dianggarkan bernilai RM226,000.

Tambahnya, kes disiasat mengikut Seksyen 26 Akta Binatang 1953.



LORI membawa 12 ekor lembu seludup yang ditahan PGA di Kampung Nechang, Tumpat kelmarin. – IHSAN PGA

LIEW SEAK THONG menunjukkan deretan bot C2 yang tidak beroperasi di pelantar ikan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kuala Perlis, semalam. - UTUSAN/ SYED AZLAN SAYID HIZAR



Jual bot untuk sara kehidupan

KANGAR: Kehidupan pengusaha bot kelas C dan C2 di Kuala Perlis di sini terjejas teruk selepas berhadapan masalah kekurangan pekerja dan kenaikan harga diesel.

Malah, ramai kalangan mereka terpaksa menjual bot apabila tidak mampu menanggung kos operasi yang tinggi di samping tidak menangkap ikan sejak hampir dua tahun lalu.

Rata-rata pengusaha tidak dapat turun ke laut kerana tidak mempunyai pekerja yang terdiri dalam kalangan warga Thailand selepas penutupan pintu sempadan sebelum ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan Peniaga Ikan dan Pengusaha Bot

Kuala Perlis, Liew Seak Thong berkata, hampir 50 peratus daripada keseluruhan 100 pengusaha di sini terkesan teruk ekoran masalah ketiadaan pekerja dan kenaikan harga diesel yang menjejaskan pengusaha bot kelas C2.

Katanya, kebanyakkan pekerja atau awak-awak adalah dari Thailand dan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat menyukarkan mereka mendapatkan tenaga kerja dari negara jiran tersebut.

"Sejak pandemik, kebanyakan pengusaha bot di Kuala Perlis sudah tidak turun ke laut, malah, ada yang terpaksa menjual bot kerana sudah tidak mampu lagi menanggung kos operasi yang tinggi se-

lain kekurangan tenaga kerja," ujarnya.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan, kira-kira 450 pengusaha bot kelas C2 di seluruh negara semakin 'tenat' sehingga ramai terpaksa menghentikan operasi kerana tidak mampu menanggung kenaikan harga diesel sehingga RM50,000 sebulan bagi sebuah bot sebelum keluar menangkap ikan.

Harga diesel yang dijual kepada pengusaha bot kelas C2 kini meningkat daripada RM2.05 seliter kepada RM2.70 seliter.

Tambah Seak Thong, kenaikan kos bahan bakar menjadi antara faktor ramai nelayan dari kelas tersebut terpaksa menghentikan operasi mereka.

Kami memang anak tiri - Pengusaha bot

TUMPAT: Selain kenaikan harga diesel RM2.70 seliter, pengusaha bot kelas C2 turut dibebani kos lain sebagai syarat wajib bagi bot dalam kelas kumpulan kapal 70 GRT ke atas.

Bukan semua pengusaha bot C2 menggunakan modal sendiri untuk membiayai kos tersebut, sebaliknya ada yang bergantung pinjaman bank untuk membolehkan beroperasi menangkap ikan di laut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Nazari Yusof, 58, yang mewakili 90 pengusaha bot laut dalam di Tumpat berkata, berdasarkan kesustahan demi kesustahan dilalui, laporan muka depan akhbar ini pada Isnin lalu yang menyebut 'nelayan C2 dianaktirikan' memang tepat.

Kata Nazari, zon tangkapan ikan bagi C2 bermula di sekitar 55.6 kilometer dari muara sehingga ke sempadan perairan negara jiran dan dengan lokasi begitu jauh, mereka perlu membelanjakan besar untuk membeli minyak diesel yang mencukupi.

"Jesén tabunan bot C2 perlu dibayar antara RM3,210 sehingga RM10,000 wajib dilunaskan, baru dapat permit untuk aktif dalam industri. Nilai ini jauh lebih mahal berbanding bot C hanya RM700 setahun.

"Setiap bot C2 wajib memiliki alat pengesan kedudukan bot (VTMS) dibeli sendiri dengan harga RM18,000. Alat ini

menggunakan capaian satelit Telekom Malaysia dengan caj RM320 sebulan, wajib dibayar sama ada bot beroperasi atau tidak," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Isnin lalu, dianggarkan 450 pengusaha bot kelas C2 di seluruh negara dilaporkan tenat sehingga ada yang menghentikan operasi kerana tidak mampu menanggung kenaikan harga diesel sehingga RM5,000 sebulan bagi sebuah bot sebelum dapat keluar menangkap ikan.

Nazari berkata ketika pengusaha bos kelas C2 perlu menanggung diesel tanpa subsidi RM2.70 seliter dengan kira-kira 10,000 hingga 20,000 liter diperlukan setiap kali keluar menangkap ikan, bot kelas C lebih beruntung apabila membelanjakan RM1.65 seliter bagi tujuan sama.

Satu lagi masalah membelenggu mereka kata Nazari, isu pekerja tempatan yang tidak sanggup turun ke laut walau ditawarkan gaji lumayan dan ditanggung makan-minum masing-masing sepanjang berkhidmat di atas bot.

"Supaya bot C2 tidak terus tersadal, kru nelayan asing perlu diambil bekerja, namun, satu lagi perkara apabila Pas Lawatan Kerja Semenara (PLKS) hanya dikeluarkan dengan bayaran RM2,000 bagi setiap awak-awak," ujarnya.

27/10/2021

SINAR

30

HARIAN

BISNES SINAR

3 pemuda bertani, pasarkan sendiri hasil

Hasrat mahu menjadi pelopor utama dalam bidang pertanian negara ini

Oleh SAIFULLAH AHMAD

an seawal tahun 2011 dengan mula menanam jagung.

Melihat kepada perkembangan itu, tanaman sayuran lain mula disemai seperti timun, peria, terung dan beberapa jenis lagi untuk memenuhi permintaan pasaran.

Menurut Hayadi Anuar, sebelum bergelar usahawan tani, dia bekerja di sektor perbankan di Kuala Lumpur namun berhenti kerja kerana minat mendalam terhadap bidang pertanian.

Jelasnya, sumber inspirasi dalam bidang pertanian itu adalah ayahnya, Ahmad Sani Hamzah, 57, yang turut mengusahakan tanaman pertanian.

"Minat ini sebenarnya timbul sejak kecil lagi sebab ikut ayah ketika itu menanam ubi kayu. Jadi, untuk menyambung legasi itu, saya bersama-sama adik dan bapa saudara masuk dalam bidang ini."

"Alhamdulillah, sekarang ini kami berjaya lakukan sendiri se-

mua bermula di peringkat kerja ladang sehingga pemasaran hasil dengan nasihat dan tunjuk ajar ayah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, bermula dengan kawasan seluas 1.2 hektar pada peringkat awal, kini keluasan tanaman sudah bertambah kepada 4.8 hektar yang sedang diusahakan di Lasah, Sungai Siput. Jelasnya, kira-kira enam hektar lagi akan diusahakan untuk tanaman sayuran dengan fokus diberikan terhadap sayuran buah seperti timun, peria, terung dan labu.

Hayadi Anuar berkata, hampir kesemua kawasan yang diusahakan itu disewa daripada penduduk setempat dengan bayaran secara tahunan menggunakan modal sendiri.

Teroka tanaman tebu, pokok bidara

Bagi Khairul Faiez pula, menjadi usahawan tani memang menjadi idaman selepas menamatkan pengajian di Institut Pertanian Serdang kerana memikirkan potensi dalam bidang tersebut.

Menurutnya, dengan sokongan keluarga, dia kini memberi tumpuan kepada tanaman tebu dan pokok bidara yang mempunyai potensi besar untuk dikembangkan.

Bagi tanaman tebu, dia sedang memasarkan produk air tebu yang begitu mendapat



Tiga anak muda bersama hasil tanaman peria yang diusahakan di kawasan Lasah, Sungai Siput.

sambutan malah tebu-tebu diperolehi dari penanam luar bagi memastikan permintaan dapat dipenuhi.

"Kini, saya sedang membangunkan tanaman pokok bidara yang semakin mendapat tempat dalam kalangan rakyat di negara ini," katanya.

Khairul Faiez berkata, dalam masa enam bulan diusahakan, sebanyak 8,000 pokok telah terjual dan setakat ini terdapat kira-kira 5,000 pokok sedang disemai untuk pasaran tempatan.

Dengan kejayaan itu, dia menyasarkan 100,000 pokok untuk ditanam di kawasan seluas 0.2 hektar pada tahun ini dan sekali gus menjadi pembekal utama pokok bidara di negara ini.

Seperti abangnya, Hayadi Anuar yang bermula dengan tanaman jagung, dia mengakui kejayaan sebagai usahawan tani.

menpunyai masa depan cerah dengan pendapatan lumayan.

Menurutnya, 0.4 hektar tanaman bagi satu musim mampu menghasilkan pendapatan sekitar RM18,000 hingga RM30,000 bergantung kepada jenis tanaman.

Impian jadi pelopor utama bidang pertanian

Dalam pada itu, Shahzul yang lebih menumpukan kepada bidang pemasaran hasil pertanian pula berkata, mereka kini berjaya menjadi pembekal produk pertanian terutama sayuran.

Menurutnya, bukan sahaja bagi pasaran dalam Perak tetapi di luar Perak juga berjaya di tembusi menerusi jualan di pasar raya bersama bersaing dengan pemain lain dalam industri pertanian ini.



Sepakat Niaga mempunyai hampir 12 hektar kawasan tanaman di Sungai Siput.

Kematian bapa, isteri buat laporan polis punca penagih dadah nekad berubah

Dulu dihina, kini usahawan berjaya

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

PETALING JAYA - Siapa menyangka bergelumang dengan najis dadah selama hampir dua dekad sejak berusia belasan tahun, namun takdir mengubah hidup apabila kini menjadi usahawan berjaya.

Lelaki yang dikenali sebagai Marianto, 43, berkata, sepanjang tempoh itu, pelbagai cerita memulakan dilalui termasuk tidak dapat menatap wajah orang tersayang ketika bapanya meninggal dunia berikutan berada di pusat serenti di Sungai Ruan, Pahang pada 2012.

"Memang susah untuk berpisah dengan dadah dalam sekelip mata, tetapi peristiwa kematian bapa menjadi titik permulaan kepada hijrah dalam hidup saya.

"Ketika berada di pusat serenti, saya menerima perkhabaran ayah meninggal dunia. Saya berasa ralat kerana tidak dapat menguruskan jenazah ayah buat kali terakhir," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Lebih memilukan, Marianto mengetahui berita duka itu empat hari setelah bapanya meninggal dunia dan kejadian tersebut memberi kesan mendalam sehingga membuatkannya dia tidak dapat berubah meninggalkan dadah yang merupakan musuh nombor satu negara.

Mengimbau kisah silamnya, Marianto memberitahu, dia mula berjinak dengan ganja semasa berusia 16 tahun ketika berada di



MARIANTO kini bertanaga mengusahakan tanaman cili dan mempunyai tiga pekerja.

bangku sekolah sebelum beralih kepada heroin dan dadah jenis sintetik lain.

Marianto bagaimanapun menarik nafas lega apabila dia dihadkan dengan projek pertanian semasa berada di pusat serenti dan memilih fertisasi cili sebagai bidang baharu untuk diceburi pada tahun 2016.

Mempunyai tiga pekerja, Marianto kini menjana penda-

patan antara RM48,000 hingga RM20,000 semusim (enam bulan). Selain itu, Marianto turut membuka bengkel kenderaan sebagai pendapatan sampingan.

Turut bertongsi pengalaman sama adalah bekas penagih, Tahir, 51, yang kini menjadi usahawan ternakan balat atau timun laut di Kota Marudu, Sabah dan nelayan separuh masa.

Cerita Tahir, dia mula



Selain mengusahakan balat, Tahir turut bertongsi pengalaman menjadi bekas penagih dadah melalui ceramah di sekitar Kudat, Sabah.

mengambil ganja sejak berusia lapan tahun lalu sekitar 1978 dan bergelumang dengan bahan terlarang tersebut selama lebih 30 tahun.

"Saya dimasukkan ke pusat serenti di Papar, Sabah selama dua tahun selepas isteri sendiri membuat laporan kepada pihak berkuasa kerana tidak mahu saya terjebak lagi dengan najis dadah ini.

"Sejak ditempatkan di pusat berkenaan, saya mula mengenal dan mendekati al-Quran. Itulah titik perubahan total dalam hidup saya," ujarnya.

Tahir yang pernah digelar 'Castello' suatu ketika dulu berkata, sejak mengenal kalam Allah itu dia nekad untuk berubah menjadi insan berguna bukan sahaja

kepada keluarga, malah untuk masyarakat.

"Selepas pulih sepenuhnya kira-kira tujuh tahun selepas keluar dari pusat serenti (pada tahun 2018) saya mula mencurahkan diri dalam bidang peternakan balat.

"Tak sangka hasil usaha gigit selama hampir tiga tahun ini membuahkan hasil lumayan. Saya memperoleh pendapatan hampir RM15,000 sebulan bergantung kepada permintaan dan harga semasa balat," kata penerima Anugerah Hijrah Peringkat Sabah itu.

Selain menjadi usahawan, Tahir turut aktif bertongsi pengalaman termasuk kisah hidupnya melalui ceramah dan dakwah di sekitar Kudat.

Amalan pertanian baik bantu pulihara ekosistem



Varia

Oleh NUR
WAHIDAH
HAMBALI

LAMA memikirkan tentang perkara ini. Akhirnya, tekad untuk meluahkan rasa berbuku di hati selepas terbaca satu artikel tentang sekumpulan burung pipit mati termakan racun kimia baru-baru ini.

Pada tahun 2010, pernah terfikir andai proses penanaman padi dan pengurusan sawah kekal dengan penggunaan racun kimia secara berlebihan, hasil akan menurun dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Ramalan itu tepat dan pada 2020, saya temui data lengkap hasil padi untuk Jelapang Padi Malaysia dari 2013 hingga 2018.

Ketika menjawat jawatan sebagai penjawat awam dan bertugas di dua kawasan yang terkenal dengan pengeluaran hasil padi di barat laut Selangor, graf pengeluaran hasil padi di kawasan itu menunjukkan trend penurunan sangat ketara kerana masalah itu.

Selain itu, saya juga bermula sebagai seorang petani dan merupakan pengguna tegar racun kimia termasuk dibeli di pasaran gelap dari 2004 hingga 2009.

Namun, segala-galanya berubah sebaik bekerja di Selangor dan ditugaskan untuk menjaga sawah padi pada 2010.

Sepanjang lima tahun bersama pesawah, mula beralih kepada penggunaan baja organik.

Tahun pertama bertugas di lokasi tersebut, pesawah diajar untuk menghasilkan baja organik.

Namun, ia bukan satu usaha mudah kerana berdepan kecemasan, kutukan malah pernah 'dipulaukan' gara-gara mengajar pesawah membuat baja organik.



PROJEK tanaman bunga tunera di kawasan sawah padi telah dimulakan sejak tahun 2015.

Ekoran itu, saya terus bekerja keras membantu petani ke arah pertanian lestari.

Banyak kursus dan latihan yang saya berikan bersama pasukan Jabatan Pertanian.

Pada 2014, saya ditawarkan untuk mengikuti lawatan sambil belajar ke Jepun.

Sepanjang dua minggu di Negara Matahari Terbit itu, saya melihat satu pemandangan hebat iaitu sawah padi dikelilingi tanaman dan bunga-bunga.

Ladang sayuran turut dipenuhi dengan bunga cosmos, marigold (bunga tahi ayam), bunga matahari dan zinnia.

Sebaik pulang dari Jepun, saya diwajibkan untuk menyediakan laporan dan mula mencadangkan satu program bernama *Ecology Engineering*.

Program ini diluluskan pada tahun 2015 dan ribuan bunga tunera mula diledarkan kepada pesawah di barat laut Selangor.

Pesawah menerima tampanan hebat sekitar tahun 2013 hingga 2015 apabila diuji dengan serangan penyakit karah padi atau *bacterial leaf blight*.

Walaupun kempen *Natural Farming*

agak agresif dilaksanakan, ia mendapat sambutan dingin dalam kalangan pesawah.

Pada tahun 2015, saya meletak jawatan sebagai kakitangan awam kerana ingin memberi tumpuan kepada program latihan terhadap pertanian lestari ke seluruh negara.

Ketika itu, bermacam kempen dibuat selepas melihat kemerosotan hasil tanaman padi dari tahun ke tahun.

Selain ancaman serangan perosak seperti ulat lipat daun, ulat layar, bena perang, kesing, siput gondang dan tikus turut mengharut pesawah.

Bayangkan, kawasan terbabit yang pernah memperoleh hasil 6.5 tan metrik per hektar pada tahun 2013 merosot sehingga 4.2 tan metrik per hektar pada tahun 2018 dan terus merosot pada 2020.

Adakah ini satu petanda baik? Kenapa perkara ini berlaku di jelapang padi yang bukan sahaja hebat dari segi infrastruktur dan petani yang mempunyai ilmu serta teknologi tinggi?

Dalam hal ini, ia lebih berkaitan ekosistem, kitaran dan rantaian alam yang sudah mula terputus.

Bayangkan berapa banyak serangan seperti papatung, kumbang, penyengat dan beberapa spesies lain terancam serta pupus.

Semua mati disebabkan oleh penggunaan racun kimia tanpa kawalan.

Lebih memburukkan keadaan apabila serangan perosak semakin 'kebal', aktif dan menganas di tapak-tapak sawah.

Serangga-serangga perosak ini tidak mati meskipun disembur racun yang sebelum ini mampu membunuh mereka.

Menjadi petani secara lestari dengan penggunaan baja organik sebenarnya lebih banyak membawa kebaikan.

Saya tidak mempersia-siakan ilmu yang ada untuk membina sebuah tapak sawah yang bukan sahaja cantik dipenuhi bunga-bunga, tetapi dirawat serta dipulihkan dengan 'tentera' mikro.

Ini dibuktikan dengan hasil diperolehi pada musim pertama sebanyak 8.5 tan metrik per hektar dan meningkat kepada 9.6 tan metrik per hektar musim kedua.

Bagaimanapun, cabaran pada musim pertama sangat besar.

Pelbagai jenis serangan menyerang tanaman dan padi turut dimakan ulat.

Pihak atasan memaksa menggunakan racun kimia untuk membunuh serangan perosak, tetapi saya menolak arahan itu.

Kajian daripada pelbagai sudut dibuat bagi mengatasi masalah ini.

Semua masalah dihadapi dengan kawalan organik sepenuhnya, tanpa menggunakan sedikit racun kimia.

Pada musim kedua, kehadiran burung pipit, ulat, kesing mula berkurangan.

Pokok padi juga semakin subur dan berisi.

Dalam hal ini, masyarakat perlu sedar bahawa menjaga ekosistem dan kitaran alam sangat penting, selain tidak bergantung sepenuhnya kepada racun kimia.

Amalan Pertanian Baik sangat membantu kepada pemuliharaan ekosistem.

NUR WAHIDAH HAMBALI ialah Ketua Pegawai Operasi, Aras Niaga Makmur Agro Berhad yang juga bekas tenaga pengajar Program Agrobiz di Institut Pendidikan Teknikal Brunel Kampus Agro-Teknologi di Wasan, Brunel.



HASIL akan berkurang jika proses penanaman padi dan pengurusan sawah kekal dengan penggunaan racun kimia secara berlebihan.